

## **ANALISIS TERHADAP USAHA MENDAULATKAN DINAR DAN DIRHAM SEBAGAI MATA WANG ALTERNATIF DUNIA ISLAM**

**M. Shabri Abd. Majid\***

### **Abstract**

*This paper highlights the supremacy of Islamic gold dinar and silver dirham over the current paper money (fiat money). Many contemporary Islamic economists believe that dinar and dirham are a desirable alternative of money viewed from social, economic, politic and religious perspectives. The paper then focuses on both prospects and challenges faced by Muslim countries in their efforts to return to dinar and dirham. At the initial stage of implementating dinar and dirham, the current fiat money, dinar and dirham may coexist while a transition takes place gradually. The gradual implementation of dinar and dirham is aimed at avoiding shock to the economy. In addition, the Muslim efforts to return to dinar and dirham will be eased by the advancement of Information and Communication Technology (ICT). The paper finally discusses the transaction models of dinar and dirham. From these transaction models, it is found that a small bushel of the gold can support a large number of international transactions. Therefore, the shortage of gold and silver on this earth is not an impediment for Muslims to return to dinar and dirham as their alternative currency.*

### **PENDAHULUAN**

Kenapa setiap meningkatnya nilai Ringgit Malaysia terhadap Dollar Amerika Syarikat, maka ekonomi Malaysia dianggap sedang kukuh? Sebaliknya, bila nilai Ringgit merosot, maka ekonomi Malaysia dianggap sedang merudum?. Apakah pemulihan ekonomi

---

\* Lecturer at Department of Economics, Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University, Malaysia.

suatu negara patut disandarkan pada naik-turunnya nilai wang mereka terhadap Dollar? Bagaimana kalau peningkatan Ringgit berlaku bersamaan dengan kemerosotan Dollar, apakah masih memiliki implikasi yang sama? Tentu jawabannya tidak. Dengan lain perkataan, ketika nilai Ringgit konstan, tetapi Dollar yang mengalami kemerosotan—seolah-olah nilai Ringgit meningkat dengan sendirinya—maka menguatnya perekonomian Malaysia tidak dapat disandarkan pada naik-turunnya nilai Dollar. Jadi, mengukur kadar pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara berdasarkan peningkatan atau kemerosotan nilai wang domestik terhadap Dollar adalah suatu metode yang keliru.

Kenapa Dollar tidak boleh dijadikan sebagai kayu ukur kestabilan, kemakmuran dan juga pertumbuhan ekonomi? Ini kerana Dollar bukanlah mata wang yang terjamin kestabilannya. Tidak stabilnya nilai Dollar adalah, *inter alia*, disebabkan perubahan kadar inflasi dan adanya tindakan spekulasi dalam pasaran wang. Ini semua akan mempengaruhi jumlah permintaan dan penawaran Dollar. Bahkan penggunaan Dollar akan menyebabkan nilai wang domestik semakin merosot dan perekonomian negara semakin tidak stabil. Sebagai contoh, keterpaksaan Indonesia untuk membiayai pembangunan negara bersumber dari hutang pada negara-negara maju di mana proses peminjaman dan pembayaran hutang yang melibatkan Dollar, tentunya akan semakin memperlemahkan nilai Rupiah pada khususnya dan juga perekonomian Indonesia pada umumnya. Semakin banyak permintaan Dollar, maka akan semakin tinggi nilai Dollar di pasaran wang. Sebaliknya, semakin banyak jumlah Rupiah yang ditawarkan, maka nilai Rupiah akan semakin melemah. Ini semua tidak akan berlaku andaikata kita telah menggunakan Dinar (emas) dan Dirham (perak) sebagai mata wang negara. Oleh itu, sudah masanya bagi umat Islam untuk bersandar pada mata wang yang memiliki kadar kestabilan yang lebih terjamin tanpa dipengaruhi oleh undang-undang permintaan dan penawaran (*laws of demand and supply*) wang, bebas dari inflasi, faedah (*riba*), *gharar*, *maysir* (*gambling*) dan unsur-unsur spekulatif lainnya. Umat Islam harus segera memutuskan rantai kebergantungan mereka pada negara-negara maju (Dollar). Maka tiada pilihan lain, dan pilihan itu adalah pilihan yang paling tepat, iaitu “*back to Dinar and Dirham*”, seperti telah digunakan sejak zaman Romawi hingga robohnya kekhalfahan Uthmānīyah, 1924. Kestabilan wang Dinar (emas) dan Dirham (perak), sebenarnya, juga telah diakui dunia kapitalis. Contohnya, ketika kembali menggunakan wang standard emas pada tahun 1879, kadar inflasi di Amerika Syarikat menurun

---

<sup>1</sup> Anwar, Muhammad (2002), “Euro and Gold Dinar: A Comparative Study of Currency Unions”, dalam *Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System: Viability of the Islamic Dinar*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, h. 366.

drastik menyamai kadar inflasi pada tahun 1861, pada masa wang standard emas digunakan.<sup>1</sup>

## SEJARAH DINAR DAN DIRHAM

Banyak yang berpendapat bahawa mata wang Dinar merupakan warisan kekhalifahan dunia Islam. Dalam makalahnya, “*Sejarah Penggunaan Mata wang Dinar*” yang dibentangkan pada National Dinar Conference di Kuala Lumpur, Anwar (2002) mengatakan bahawa mata wang Dinar telah mulai dicetak dan digunakan sejak masa awal kerajaan Islam. Namun, kata “Dinar” bukanlah berasal dari bahasa Arab, tetapi berasal dari bahasa Yunani dan Latin atau mungkin merupakan kata lain dari bahasa Aramaic-Persia “Denarius”. Sementara itu, Dirham diambil dari wang perak “Drahms”, yang digunakan orang-orang Sassan di Persia. Drahms telah diambil dari nama wang perak “Drachma” yang digunakan oleh orang-orang Yunani.

Pada prinsipnya, Dinar dan Dirham yang pertama sekali digunakan umat Islam adalah dicetak oleh orang-orang Persia. Dirham perak Sassanian Yezdigird III adalah mata wang syiling (logam) yang pertama digunakan umat Islam. Kemudian, Dinar dan Dirham yang digunakan pada masa Khalifah Uthmān bin ‘Affān juga tidak jauh berbeza dengan syiling yang digunakan bangsa Persia, kecuali perbezaan penulisan bahasa di atas mata wang Dirham tersebut. Penulisan bahasa Arab dengan nama Allah dan potongan ayat-ayat al-Quran di Dinar dan Dirham sudah menjadi budaya umat Islam masa itu ketika mencetak wang Dinar.<sup>2</sup>

Dirham yang pertama dicetak adalah oleh Khalifah ‘Abdūl Mālik bin Marwān pada tahun 695 Masihi. Beliau mengarahkan al-Ḥajjāj untuk mencetak Dirham dengan nilai 10 Dirham yang mempunyai harga sama dengan 7 Dinar (*mithqal*). Setahun kemudian, beliau memerintahkan agar Dinar dicetak dan digunakan di seluruh wilayah kekuasaannya. Di syiling Dinar itu, kata-kata “Allah adalah Esa” dan “Allah adalah Abadi” ditulis menggantikan gambar-gambar binatang yang sebelumnya tertera di Dinar. Sejak masa itu, wang Dinar telah pula dicetak berbentuk bulat, di satu sisi bertuliskan “*Lā ilāha illallāh*” dan “*Alḥamdulillāh*” dan di sisi lain tertera nama Khalifah yang mencetak wang dan tarikh pencetakannya. Kemudian, sudah menjadi perkara biasa, di atas syiling Dirham ditulis “*Ṣallallāhu ‘Alayhi wa Sallam*” dan

---

<sup>2</sup> Anwar, Z.A., (2002), “Sejarah Penggunaan Matawang Dinar”, dalam *Proceeding of National Dinar Conference*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h.2-3. Rujuk juga E-Dinar Lid., “History of the Dinar”, available at: <http://www.e-dinar.com/en>, 25hb Jun 2003.

kadang-kadang ditulis pula potongan ayat-ayat al-Quran. Dinar dan Dirham tetap menjadi mata wang sah umat Islam ketika itu sehingga runtuhnya khalifah Islamiyah. Sejak keruntuhan khalifah Islamiyah, pelbagai jenis dan bentuk wang kertas dan syiling (*fiat money*) mulai diperkenalkan.<sup>3</sup>

Di Bumi Nusantara, Dinar dan Dirham sudah mulai digunakan ketika Sultan Muḥammad Mālik al-Zāhir (1297-1326) berkuasa di Kerajaan Samudera Pasai, Aceh. Dinar Pasai memiliki berat 0.60 gram dan berdiameter 10 mm berkualiti 18 karat. Di bahagian depan Dinar Pasai tertera nama Muḥammad Mālik al-Zāhir dan di bahagian belakangnya tertera ungkapan '*al-Sultān al- adl*'.<sup>4</sup> Seperti di Pasai, mata wang emas yang digunakan di Kelantan-Patani pada tempoh yang sama yang terdiri dari jenis-jenis kijang dan dinar matahari juga tertera di atasnya tulisan '*Mālik al- 'Adl*'. Ungkapan yang sama juga tertera pada wang Timah Terengganu yang disebut 'Pitis' yang digunakan pada tahun 1838. Di Negeri Kedah pula, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Syah II (1710-1760) turut mengeluarkan mata wang emas yang dinamakan 'Kupang' yang ditempa ungkapan "*Adl Syah*" yang bererti Raja Yang 'Adil. Ungkapan keadilan (*al- 'adl*) yang tertera di atas wang emas jelas menunjukkan peri pentingnya nilai-nilai keadilan ditegakkan dalam sebuah perekonomian negara.<sup>5</sup>

## AL-QURAN TENTANG DINAR DAN DIRHAM

Memang al-Qur'an dan al-Ḥadīth tidak pernah menyatakan bahawa Dinar dan Dirham adalah satu-satunya mata wang yang sah digunakan umat Islam dalam melakukan setiap transaksi dan pelbagai aktiviti ekonomi lainnya. Namun demikian, kata-kata Dinar dan Dirham yang terdapat dalam ayat-ayat berikut secara implisit menunjukkan pengakuan Allah terhadap keutamaan Dinar dan Dirham. Sebutan Dinar dan Dirham, misalnya terdapat dalam ayat-ayat berikut:

*“Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar*

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Hakikatnya ungkapan '*al-Sultān al- 'Adl*', '*Malik al- 'Adl*' dan '*'Adl Syah*' yang tertera di sisi matawang Pasai, Kelantan-Patani, Terengganu dan Kedah adalah berteraskan Firman Allah, yang bermaksud: "...Allah menyeru berlaku adil dan berbuat kebajikan..." (Surah al-Nahl (16): 90).

<sup>5</sup> Perkara ini seperti diungkapkan Salleh, Kamarul Rashdan (t.t.), seorang peneliti pada TIME Research Institute, University of Salford, Manchester UK.

*pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya...”*

(Surah Āli ‘Imrān (3): 75)

*“Dan (setelah terjadi perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya...”*

(Surah Yūsuf (12): 20).

Sedangkan dalam ayat lain, perkataan emas dan perak dirakamkan untuk menjelaskan fungsi dari emas dan perak tersebut. Allah SWT berfirman:

*“Sesungguhnya orang-orang yang kafir, lalu mati sedang mereka tetap kafir, maka tidak sekali-kali akan diterima dari seseorang di antara mereka: emas sepenuh bumi, walaupun ia menebus dirinya dengan (emas yang sebanyak) itu...”*

(Surah Āli ‘Imrān (3): 91)

*“...Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab siksa yang tidak terperi sakitnya”*

(Surah al-Tawbah (9): 34).

Semua ayat di atas tidak menjelaskan bahawa hanya wang Dinar emas dan Dirham perak yang sah dan halal digunakan umat Islam dalam melakukan pelbagai aktiviti ekonomi. Ayat-ayat di atas hanya menjelaskan fungsi emas (Dinar) dan perak (Dirham) sebagai alat penyimpan nilai (*store of value*), alat penukar (*medium of exchange*), dan alat pengukur nilai (*standard of measurement*). Merujuk pada ayat-ayat di atas, majoriti para *Fuqahā* (Ahli Fekah) bersetuju bahawa selain Dinar dan Dirham, Dollar, Euro, Ringgit atau pelbagai jenis wang kertas dan syiling (*fiat money*) lainnya dapat digunakan sebagai mata wang negara asal sahaja bebas dari unsur-unsur spekulasi, riba, *gharar*, dan *maysir*.<sup>6</sup> Walaupun demikian, para ulama lebih menggalakkan agar

---

<sup>6</sup> Haneef, M.A and Barakat, E. R., (2002) telah melakukan survey literatur terhadap pendapat para Ahli Fekah tentang wang. Di antara kesimpulan mereka adalah tidak ada kesepakatan ulama yang menyatakan bahawa hanya dinar dan dirham sahaja sebagai matawang yang sah dan halal digunakan dalam Islam. Sila rujuk, Haneef, M.A and Barakat, E.R., (2006), “Must Money be Limited to only Gold and Silver: A Survey of *Fihi* Opinions and Some Implications”, *JKAU: Islamic Economics*, 19 (1): 21-36.

umat Islam menggunakan Dinar dan Dirham berbanding dengan Dollar dan pelbagai jenis mata wang lainnya, kerana Dinar dan Dirham memiliki kadar kestabilan yang lebih tinggi.

## KESTABILAN DINAR DAN DIRHAM

Rancaknya usaha negara-negara Islam akhir-akhir ini untuk mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam, tidak terlepas dari kestabilan nilai Dinar dan Dirham itu sendiri. Menurut ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, berat Dinar adalah 4.25 gram, sedangkan Dirham adalah 3 gram. Penentuan nilai Dinar atau Dirham adalah didasarkan atas beratnya atau nilai intrinsiknya. Sedangkan nisbah dari Dinar dan Dirham adalah berkisar antara 1:10 dan 1:16. Nisbah 1:15 ditetapkan oleh ‘Abdūl-Mālik dan berlangsung dalam tempoh yang cukup lama. Nisbah 1:16 juga ditetapkan di Inggeris pada tahun 1811. Sedangkan di Hamburg pada tempoh 1790-1827, nisbah yang digunakan adalah 1:14.86. Sedangkan, bentuk, nama dan corak fizikal Dinar dan Dirham adalah hiasan semata. Tidak seperti *fiat money* yang kita pakai saat ini yang nilainya bergantung pada kepercayaan dan pengakuan negara, Dinar dan Dirham adalah wang nyata yang dijamin oleh dirinya sendiri sebagai perhiasan yang mahal harga. Nilai Dinar dan Dirham adalah tetap, tidak berubah kerana penggunaan Dinar tidak menimbulkan inflasi. Sejak mulai digunakan hingga saat ini, nilai tukar Dinar dan Dirham tidak mengalami perubahan yang signifikan. Setiap Dinar (berharga sekitar RM174.50/Dinar) dan Dirham (berharga RM11.50/Dirham)<sup>7</sup> masih boleh digunakan untuk membeli sejumlah barang-barang dalam kuantiti dan kualiti yang sama dengan barang-barang yang dapat dibeli ketika Dinar dan Dirham digunakan zaman dahulu.<sup>8</sup>

Kemanapun Dinar dan Dirham dibawa, nilainya tidak akan berubah. Sekeping syiling Dinar dan Dirham akan tetap 4.25 gram emas 22 karat, dan sekeping Dirham adalah 3 gram perak tulin. Di negara manapun ditimbang, sama ada di Afrika Selatan, Hongkong, London, New York, Paris, atau Kuala Lumpur, nilainya tetap tidak berubah.

---

<sup>7</sup> Harga ini dikira berdasarkan harga jual beli emas dan perak di pasaran pada bulan Jun 2002.

<sup>8</sup> Abd. Majid, M.S., (2003), “Mendaulatkan Dinar, Dirham Sebagai Matawang Islam”, *Berita Harian Malaysia*, 8 Julai. Lihat juga Abd. Majid (2003), “Transaksi Model Dinar”, *Dewan Ekonomi*, September, h. 21; Abd. Majid, M.S., (2002), Kembali Kepada Dinar dan Dirham, *Dewan Ekonomi Malaysia*, Disember; Abd. Majid, M.S., (2002), Dinar, Dirham dan Dollar, *Serambi Indonesia*, 2 Oktober; Abd. Majid, M.S., (2003), Pilihan Lain Bagi Kewangan Dunia, *Berita Harian Singapura*, 10 Januari; Abd. Majid, M.S., (2003), Kelebihan Dinar Dan Dirham, *Berita Harian Singapura*, 17 Januari; Abd. Majid, M.S., (2003), Tekad Mendukung Dinar, *Berita Harian Singapura*, 24 Januari.

Bahkan bila gambar dan corak Dinar dan Dirham di ubah-ubah, bertuliskan “*kalimah shahādah*” mahupun bergambarkan manusia ataupun binatang, nilainya akan tetap. Kestabilan Dinar dan Dirham akan menghalang tindakan spekulasi di pasaran wang. Penggunaan wang selain Dinar dan Dirham telah menyebabkan sebahagian besar transaksi di pasaran wang adalah membabitkan tindakan spekulatif. Perkara ini seperti disebutkan Lietaer (1997) dalam makalahnya yang dibentangkan pada *International Forum on Globalisation* (IFG) sebagai berikut:

“*Pada tahun 1975, sekitar 80% dari transaksi di pasaran wang adalah membabitkan aktiviti perniagaan di sektor benar (riel sector), iaitu transaksi yang benar-benar menghasilkan barang dan perkhidmatan. Bakinya 20% dari transaksi di tahun 1975 adalah bersifat spekulatif. Hari ini, transaksi di pasaran wang yang membabitkan sektor benar turun menjadi 2.5% dan selebihnya 97.5% adalah transaksi spekulatif*”.<sup>9</sup>

Penggunaan Dinar dan Dirham diyakini akan menutup semua gerak para spekulator untuk menjana keuntungan di pasaran wang melalui aktiviti “*arbitrage*”.<sup>10</sup>

Seterusnya, nilai (harga) emas tidak pernah mengikuti undang-undang ekonomi sebagaimana digambarkan oleh keluk penawaran dan permintaan. Selama tempoh 1988-1997, dunia mengalami defisit emas sebanyak purata 319 tan setahun, tetapi harganya tetap relatif stabil. Malah, pada tempoh 1994-1997, ketika dunia mengalami defisit emas sebesar 348%, harganya malah turun 14%. Pendek kata, Dinar mampu menyimpan harta secara tetap, nilainya tak pernah berkurang, walau disimpan di manapun. Emas terbukti bebas dari segala kesan krisis ekonomi. Ketika terjadi krisis Peso Meksiko, 1995, nilai emas di negara itu naik 107% dalam waktu tiga bulan; ketika krisis ekonomi Asia Timur pada 1997, nilai emas di Indonesia naik 375% dalam masa tujuh bulan; dan ketika krisis Rubel di Rusia, 1998, nilai emas di Rusia naik 307% dalam masa lapan bulan. Secara amnya, meskipun harga emas dalam Dollar turun sekitar 30% sejak 1990, purata harga emas di dunia malah naik sebesar 20%.<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup> Sila rujuk, Lietaer, B., (1997), “Global Currency Speculation and Its Implications”, (Makalah dibentangkan pada *International Forum on Globalisation (IFG) Seminar*), USA.

<sup>10</sup> Abu Bakar Mohd Yusuf, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Norhayati Mat Husin, (2002). Implementation of the Gold Dinar: Is It the End of Speculative Measures. *Journal of Economic Cooperation*, 23 (3): 71-84.

<sup>11</sup> Abd. Majid, M.S., (2004), *Ekonomi Islam Kontemporer: Isu-Isu Global dalam Perspektif Ekonomi Islam*. Jakarta: LAZNAS BMT, h. 287.

Tidak seperti percetakan Dinar dan Dirham yang disokong 100% oleh emas dan perak, kerajaan bila-bila masa sahaja dapat mencetak *fiat money* kerana ianya tidak perlu disokong oleh emas dan perak. Dalam erti kata lain, masalah utama *fiat money* adalah tidak adanya nilai intrinsik. Bank Negara (Central Bank) yang pertama sekali mengeluarkan *fiat money* itu dapat menjana keuntungan luar biasa. Keuntungan ini diperolehi dari perbezaan kos percetakan dan nilai nominal wang (nilai yang tertulis di atas wang). Perbezaan ini dalam istilah kewangan disebut dengan “*seigniorage*”. *Fiat money* ini diperkenalkan dalam sebuah ekonomi sebagai hutang atau pinjaman. Kemudian bank-bank komersial menjana keuntungan melalui penciptaan deposit berganda (*multiple deposit creation*) dengan meminjamkan kepada orang awam. Sistem *fiat money* dan penetapan cadangan minima (*minimum reserve requirement*) bank ternyata telah memudahkan penggandaan wang dilakukan. Sebagai contoh, jika jumlah cadangan yang disyaratkan dimiliki setiap bank adalah 10%, dengan jumlah deposit RM1,000.00 bank akan dapat menggandakan jumlah deposit menjadi RM10,000.00. Kesan penggandaan (*multiplier effect*) wang ini jelas akan menimbulkan inflasi.

## KEUTAMAAN DINAR DAN DIRHAM

Di samping memiliki nilai yang stabil, penggunaan Dinar akan mengurangkan kebergantungan kewangan (*financial dependency*) para penggunanya terhadap Dollar akibat ketidakupayaan dalam mengurus modal. Ini dapat kita lihat dalam dunia perniagaan antarabangsa. Negara yang memiliki “*deficit balance of payment*” atau imbalance perdagangan defisit (majoriti dunia Muslim) bererti jumlah dana dalam negara lebih banyak mengalir ke luar negara berbanding dana asing yang masuk ke dalam negara. Dengan lain perkataan, jumlah import jauh lebih besar daripada jumlah eksport. Terjadinya “*capital flight*” yang tinggi menyebabkan imbalance perdagangan negara akan turun, walaupun tidak negatif. Jika ini berlaku, dan untuk menutupi defisit bajet negara (*deficit national budget*), maka terpaksa harus dibiayai dengan hutang luar negara. Keterpaksaan berhutang jelas telah memerangkapkan negara penghutang terhadap keharusan untuk memenuhi semua persyaratan yang ditetapkan negara pemberi hutang, yang sifatnya sangat mencekik leher negara penghutang. Keharusan menggunakan Dollar ketika membayar hutang, akan menyebabkan nilai wang negara penghutang semakin rendah. Ekorannya, negara penghutang berada di pihak yang dirugikan kerana harus membayar hutang dalam jumlah yang lebih banyak berbanding dengan jumlah hutang sebenar. Ini semata-mata kerana ketidakstabilan nilai Dollar. Namun, kalau berhutang dengan Dinar, maka sampai bila-bila masa dan dalam apa jua keadaan, nilai Dinar tidak akan berubah. Kemudian, perubahan nilai Dollar akan sangat menentukan keuntungan/kerugian para pemegang Dollar. Kita ketahui bahawa tidak



sedikit pengusaha Arab Muslim yang menyimpan wangnya di bank-bank di Amerika Syarikat dan negara-negara maju lainnya telah mengalami kerugian luar biasa ketika berlakunya tragedi pemboman bangunan Pusat Perdagangan Dunia (WTC), 11hb September 2001 di New York. Tragedi '11 September 2001' itu telah menyebabkan nilai Dollar mengalami kemerosotan yang luar biasa sehingga menyebabkan para pengusaha Arab Muslim mengalami kerugian berjuta-juta Dollar. Sedangkan, menyimpan wang dalam Dinar, dalam keadaan bagaimanapun, nilai tidak akan berubah.<sup>12</sup>

Selain itu, pembiayaan bajet negara defisit dengan mencetak wang, secara berperingkat-peringkat tetapi pasti, akan meningkatkan kadar inflasi. Hal ini disebabkan jumlah wang yang beredar dalam masyarakat sudah terlalu banyak sedangkan jumlah barang dan perkhidmatan yang ada di pasaran adalah terhad. Dengan lain perkataan, nilai wang adalah sangat bergantung pada tinggi-rendahnya jumlah permintaan dan penawaran wang dalam masyarakat. Sedangkan Dinar, nilainya tidak dipengaruhi oleh undang-undang permintaan dan penawaran. Realiti ini seperti diakui Greenspan (1967), dalam tulisannya bertajuk: "*Gold and Economic Freedom*" sebagai berikut: "*In the absence of the gold standard, there is no way to protect savings from confiscation through inflation*".<sup>13</sup>

Keutamaan Dinar dan Dirham berbanding dengan mata wang kertas dan syiling (*fiat money*) tidak sahaja diakui para pakar ekonomi Islam, malah turut disaluti ahli ekonomi barat. Penggunaan Dinar dan Dirham akan menghalang usaha-usaha pencetakan dan penghapusan/pemansuhan wang dengan semena-mena oleh pihak berkuasa (kerajaan). Ertinya, jumlah peredaran wang dan inflasipun dalam masyarakat akan terkawal. Dinar akan mewujudkan sistem kewangan dan pasaran wang dunia yang lebih stabil. Dinar juga berfungsi sebagai penyimpan nilai, alat penukar, dan alat pengukur nilai yang lebih mantap. Ini terjadi kerana penggunaan Dinar akan menghalang praktik-praktik spekulasi mata wang dan praktik arbitrase (*arbitrating*: menjana keuntungan melalui praktik jual-beli mata wang). Tidak seperti *fiat money*, Dinar lebih mudah diterima masyarakat dengan hati terbuka tanpa perlu "*legal tender*" atau "*law enforcement*". Penggunaan Dinar turut mempromosikan perdagangan antarabangsa sebab melakukan transaksi dengan Dinar akan menjimatkan kos transaksi. Bila Dinar digunakan sebagai mata wang tunggal dunia Islam, maka untuk menukar wang dari satu jenis mata wang ke

---

<sup>12</sup> *Ibid.*, hh. 289-230.

<sup>13</sup> Greenspan, A., (1967), *Gold and Economic Freedom*. *Objectivist Newsletter*, <http://www.usagold.com/gildedopinion/Greenspan.html>, 23 Jun 2003.

mata wang lainnya tidak lagi diperlukan kos. Dan yang paling luar biasa, penggunaan Dinar akan lebih menjamin kedaulatan/keutuhan negara dari dominasi ekonomi, budaya, politik dan ideologi negara barat.<sup>14</sup> Sebagai contoh, dengan hanya mencetak Dollar tanpa perlu disokong dengan emas dan kemudian dipinjamkan ke Indonesia, Amerika kini dengan mudah mencampuri urusan dalam negara Indonesia. Padahal yang dipinjamkan itu hanya berupa kertas yang bertuliskan angka-angka tertentu yang sama sekali tidak memiliki nilai intrinsik. Sebaliknya, tanpa memiliki emas yang mencukupi, maka sudah tentu Amerika tidak memiliki Dinar untuk dipinjamkan ke Indonesia. Pendek kata, Dinar dan Dirham adalah mata wang yang mampu mewujudkan sistem kewangan global yang berkeadilan.

Selanjutnya, akibat nilai Dinar tidak berubah, maka tindakan spekulatif di pasaran wang antarabangsa tidak akan terjadi. Di samping tidak dipengaruhi oleh kadar inflasi, Dinar juga tidak dipengaruhi oleh kadar bunga. Dengan lain perkataan, Dinar adalah wang bebas ribā. Kestabilan Dinar juga akan mempromosikan perdagangan dan menstabilkan sistem kewangan antarabangsa. Bahkan Mantan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad (2000), dalam tulisannya: “*The Malaysian Currency Crisis: How and Why it Happened*” berkesimpulan bahawa terjadinya krisis ekonomi 1997 adalah akibat tindakan spekulatif para penyengak mata wang antarabangsa.<sup>15</sup> Krisis ekonomi tersebut malah telah menyebabkan bertambahnya kadar pengangguran, rendahnya produktiviti, naiknya kadar kemiskinan, dan pelbagai masalah ekonomi lainnya. Maka tepatlah bila Meera (2002), dalam bukunya: “*The Islamic Gold Dinar*” menyebutkan bahawa penggunaan Dollar telah menyebabkan timbulnya pelbagai masalah sosio-ekonomi.<sup>16</sup> Berdasarkan penjelasan di atas, maka sudah masanya umat Islam untuk kembali Dinar dan Dirham.

Melihat peri pentingnya peranan Dinar dan Dirham dalam menstabilkan sekaligus memulihkan ekonomi umat, maka *fiat money* dianggap sebagai musuh utama ekonomi

---

<sup>14</sup> Dalam makalahnya, Meera, A.K.M., dan Aziz, H., (2002) sangat terperinci menjelaskan kesan penggunaan wang hampa (*fiat money*) terhadap pelbagai aspek kehidupan, seperti aspek sosio-ekonomi, politik dan agama. Rujuk Meera, A.K.M., dan Aziz, H., “The Islamic Gold Dinar: Socio-economic Perspectives”, dalam *Proceeding of International Conference on Stable and Just Global Monetary Sistem: Viability of the Islamic Dinar*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, hh. 151-176. Rujuk juga Meera, A.K.M., (2002), *The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.

<sup>15</sup> Mohamad, Mahathir, (2000), *The Malaysian Currency Crisis: How and Why it Happened*, *New Straits Times*. 27 Mac.

<sup>16</sup> Meera, A.K.M., (2002), *ibid*. Rujuk juga Vaddilo, ‘Umar, I., (1996), *The Return of the Gold Dinar: A Study of Money in Islamic Law*. Madinah: Madinah Press.

Islam. Tanpa menggantikan *fiat money* dengan Dinar dan Dirham, institusi-institusi kewangan Islam seperti bank Islam, insurans Islam (*takaful*), bond Islam (*sukuk*), dan pajak gadai Islam (*ar-Rahn*) tidak akan dapat dioperasikan 100% murni berteraskan al-Qur'ān dan Ḥadīth.<sup>17</sup> Operasi institusi kewangan Islam tanpa kehadiran Dinar dan Dirham sangat sukar dibebaskan dari praktik-praktik riba, *gharar*, dan *maysir*. Itulah sebabnya, usaha pendaulatan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam harus segera diwujudkan. Apalagi keadaan ekonomi kapitalis yang semakin merosot dengan penggunaan *fiat money* diperkirakan akan segera mengikuti jejak kehancuran ekonomi komunis. Pada masa itulah, umat Islam harus sudah bersedia dengan Dinar dan Dirham. Jika tidak, ekonomi dunia Islam akan terus merudum. Peluang umat Islam untuk kembali mengungguli ekonomi kapitalis dan komunis semakin terbuka lebar. Namun, semua ini sangat bergantung pada kesediaan umat Islam untuk mendaulatkan kembali Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal mereka.

## **KEMBALI KEPADA DINAR DAN DIRHAM**

Untuk mendaulatkan Dinar agar digunakan dalam pelbagai transaksi antara Dunia Islam—apalagi digunapakai semua negara di dunia dan mendapat pengakuan seperti Dollar dan Euro—bukanlah suatu usaha yang mudah. Ini dapat kita lihat dari pengalaman negara-negara Eropah yang baru berhasil mengeluarkan Euro setelah 50 tahun, mulai dari pembentukan *European Payment Union* (EPU) pada tahun 1950 hingga lahirnya Euro pada 1hb Januari 1999, dan puncaknya pada 1hb Januari 2002 dengan dikeluarkannya wang kertas dan syiling Euro. Walaupun sukar, ini tidak berarti umat Islam tidak mampu mendaulatkan Dinar sebagai mata wang alternatif dunia Islam. Pada peringkat awal, disarankan ke-56 negara Islam (semua anggota Pertubuhan Persidangan Islam, OIC) sudah harus menggunakan Dinar, walaupun pada masa yang sama mereka masih menggunakan wang domestik masing-masing. Dengan lain perkataan, setiap negara OIC menggunakan sistem “*parallel currency*”.<sup>18</sup> Kemudian jika perlu, semua negara yang berhubungan dagang dengan negara OIC harus menggunakan Dinar. Dan ketika Dinar ini dirasakan lebih stabil dari Euro dan Dollar, maka semua masyarakat antarabangsa akan “jatuh cinta” dengan Dinar. Ini kerana Dinar disokong 100% oleh emas (nilai intrinsiknya 100%), sedangkan Euro hanya disokong 20% oleh emas dan Dollar sama sekali tidak disokong oleh emas (tiada nilai intrinsik). Memang, usaha untuk memartabatkan Dinar agar diterima sebagai alat

---

<sup>17</sup> Ini seperti diungkapkan Meera, A.K.M pada penulis, 12hb Jun 2003 dalam sebuah diskusi bebas.

<sup>18</sup> Anwar, Muhammad (2002), *op.cit.*, hh. 370-374.

tukar, standard nilai, menyimpan nilai sangat bergantung, *inter alia*, pada keinginan negara-negara Islam dan “*political will*” kerajaan, seperti keinginan luar biasa yang telah ditunjukkan Pemimpin Malaysia. Kerana kesukaran untuk menggantikan penggunaan wang sekarang (*fiat money*) dengan Dinar, kurangnya sumber daya manusia untuk mengatasi masalah ekonomi, kebergantungan pada negara maju dan ketakutan berlebihan negara-negara Islam pada negara Super Power, Amerika Syarikat<sup>19</sup> dan negara maju lainnya bila tidak menggunakan Dollar, maka usaha negara Islam untuk segera “*back to Dinar and Dirham*” sedikit tergendala. Namun, bila semua negara Islam telah sepakat untuk menggunakan Dinar, maka segala transaksi yang dilakukan akan lebih efisien, efektif, transparan, stabil dan bebas dari praktik spekulatif.<sup>20</sup>

Bagi umat Islam, usaha kembali ke Dinar (emas) bukanlah sesuatu yang sukar. Kerana banyak kaum perempuan lebih memilih menyimpan “perhiasan emas” berbanding menyimpan wang di bank. Bahkan, tidak akan sempurna pesta pertunangan dan pernikahan di dunia ini, kalau belum dilengkapi dengan emas sebagai cincin pertunangan dan mahar perkahwinan. Begitu juga dalam setiap acara (*event*) dan perlawanan sukan dan olahraga dunia di mana setiap pemenang akan dinugerahi Pingat Emas, Perak dan Gangsa, maka kehadiran mata wang emas (Dinar) dan perak (Dirham) bukanlah sesuatu yang sukar untuk diterima masyarakat dunia. Namun, usaha untuk mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia haruslah dilakukan secara berperingkat-peringkat tetapi pasti, mulai dengan “*parallel currency system*” seperti disebutkan di atas sehingga menjadikan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam.

## **MENDAULATKAN DINAR DAN DIRHAM SECARA BERPERINGKAT**

Kenapa usaha mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia tidak boleh dilakukan secara sempurna dalam masa yang singkat (*overnight*)? Apa sahaja kesan terhadap perekonomian umat andaikata pendaulatan Dinar dan Dirham dilakukan secara serta merta dalam masa yang singkat? Seperti disebutkan di atas, usaha ke arah mata wang tunggal “Dinar dan Dirham” mesti dilakukan secara berperingkat-peringkat, tetapi pasti adalah untuk menghindari terjadinya “*economic*

---

<sup>19</sup> Ada juga yang berspekulasi bahawa penyerangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke Irak sehingga menjatuhkan Saddam Hussein pada tahun 2002 yang lalu merupakan salah satu usaha picik George W. Bush untuk menggagalkan hasrat umat Islam dalam mendaulatkan Dinar dan Dirham.

<sup>20</sup> Abd. Majid, M.S., (2004), *op.cit.*, h. 289.

*shocks*”, stagnasi ekonomi dan bahkan kehancuran sistem ekonomi yang telah sedia ada. Pengalaman keruntuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) ketika Presidennya yang ke-17, Abraham Lincoln menghapuskan sistem perhambaan secara serta merta dalam masa yang singkat dapat dijadikan pengalaman berharga. Padahal Islam, walaupun membenci sistem perhambaan itu, namun Islam menggalakkan penghapusan sistem perhambaan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Penghapusan sistem perhambaan secara berperingkat ini pada masa awal kekhalfahan Islam dimaksudkan agar tidak terjadinya ‘malapetaka’ ekonomi.<sup>21</sup>

Secara lebih terperinci, perbezaan proses, cara serta kesan penghapusan sistem perhambaan Amerika Syarikat (AS) dengan Islam dapat disebut seperti berikut. Walaupun Islam membenci praktik perhambaan, namun Islam tidak mengharamkan praktik perhambaan tersebut di masa-masa awal kekhalfahan Islam. Usaha Islam menghapus sistem perhambaan dilakukan berdasarkan ketentuan syariah secara berperingkat. Sebagai contoh, apabila seorang Muslim yang sedang berpuasa di bulan Ramadhan melanggar ketentuan puasa (bersetubuh di siang hari), maka ia dikenakan denda seperti memerdekakan seorang hamba sahaya untuk menebus dosa yang telah diperbuat. Dengan cara ini, maka secara perlahan-lahan akhirnya sistem perhambaan akan dapat dihapuskan. Kerana pembebasan seorang budak merupakan saat-saat kebahagiaan bagi semua pihak. Hamba sahaya akan gembira kerana mulai detik itu dia menjadi manusia yang bebas dari kongkongan majikannya. Bahkan ia mungkin akan merayakan hari perlepasannya itu setiap tahun bagaikan orang menyambut hari jadi. Begitu juga dengan para majikan (si pemilik hamba sahaya), ia akan gembira kerana ia telah diampuni dosanya dan bahkan telah mendapat keberkatan Ilahi. Kemudian, sistem penghapusan perhambaan secara berperingkat akan memberikan kesempatan yang seluas-luasnya bagi hamba sahaya yang telah dimerdekan tersebut untuk mendapat pekerjaan. Ekorannya, ekonomi tetap stabil dan bahkan akan semakin meningkat dengan ikutnya si hamba sahaya tersebut berperanan aktif dalam membangun ekonomi negara.

Sebaliknya, kehancuran ekonomi telah terjadi di AS ketika Abraham Lincoln, Presiden AS yang ke-17 menghapuskan sistem perhambaan di negara itu secara spontan dalam masa yang singkat. Masa itu, Lincoln telah membekukan undang-undang yang memberikan izin terhadap pemberlakuan sistem perhambaan di AS. Pembekuan undang-undang perhambaan tersebut bukan sahaja menimbulkan pelbagai masalah

---

<sup>21</sup> Semua pakar ekonomi Islam kontemporari yang mengkaji tentang usaha pendaulatan Dinar dan Dirham sebagai matawang tunggal dunia Islam bersetuju agar ianya didaulatkan secara berperingkat-peringkat. Lihat, Meera, A.K.M dan Aziz, H., (2002), *op.cit.*, h. 171.

ekonomi, tetapi juga telah menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosio-ekonomi. Pada amnya, para majikan yang memiliki hamba sahaya tidak senang dan setuju dengan tindakan Lincoln kerana mereka tidak disediakan wang ganti rugi terhadap wang yang telah mereka belanjakan (laburkan) untuk membeli hamba sahaya. Bukan setakat itu sahaja, bahkan AS mengalami defisit buruh khususnya di sektor perladangan, yang dulunya dikerjakan oleh para hamba sahaya. Perladangan-perladangan menjadi terbengkalai sehingga gagal dituai. Perkara ini tentunya akan mengakibatkan kekurangan barang-barang hasil perladangan di pasaran AS masa itu. Sehingga harga hasil perladangan semakin tinggi. Untuk memenuhi permintaan barang hasil perladangan dalam negeri, kerajaan AS terpaksa mengimportnya dari luar negeri. Sudah tentu keadaan seperti ini akan mengakibatkan lumpuhnya perekonomian AS. Di lain pihak, para hamba sahaya yang dimerdekakan/dilepaskan secara serentak akan mengalami kesulitan untuk mencari pekerjaan baru. Kerana mereka cenderung menghindari bekerja untuk majikan mereka sebelumnya, maka mereka akan susah untuk mendapat pekerjaan baru. Akhirnya mereka terpaksa menjadi penganggur, terutama mereka yang sama sekali tidak memiliki tanah, modal dan kepakaran. Puncaknya, peperangan sivil antaranegara di bahagian Utara dan Selatan AS telah terjadi akibat penghapusan sistem perhambaan secara spontan dan serta merta. Sampai hari ini juga kita melihat ketidakharmonian antara warga AS berkulit hitam (*African Americans*) dengan warga AS yang berkulit putih. Warga negara AS yang berkulit hitam (umumnya para hamba sahaya yang telah dibebaskan) masih belum dapat melupakan kepedihan mereka ketika dijadikan hamba sahaya oleh warga AS yang berkulit putih. Perbezaan antara mereka hingga saat ini masih sangat jelas terlihat.

Selanjutnya, pendaulatan Dinar dan Dirhan sebagai mata wang tunggal dunia secara berperingkat-peringkat, tetapi pasti juga dapat kita semak dari pengalaman pengharaman ribā dan minuman keras dalam masyarakat Islam di masa Rasulullah. Pengharaman ribā dalam Islam tidak dilakukan secara serta merta melainkan melalui empat peringkat. Allah SWT membanteras riba dan minuman keras secara berperingkat-peringkat mengingatkan praktik ribā dan meminum minuman keras sudah begitu berakar umbi dalam kehidupan masyarakat sebelum Islam. Agar para pengamal riba dan peminum minuman keras akur dengan larangan Allah, maka larangan terhadap kedua-dua amalan buruk ini dilakukan secara berperingkat-peringkat. Ayat berikut cukup jelas menunjukkan bagaimana Allah SWT secara berperingkat-peringkat melarang praktik riba diamalkan.

Ayat pertama yang turun tentang riba adalah surah al-Rūm (30) ayat 39. Allah SWT berfirman:

*“Dan sesuatu riba (tambahan) yang kamu berikan agar dia menambah pada harta manusia, maka riba itu tidak menambah pada sisi Allah. Dan apa yang kamu berikan berupa zakat yang kamu maksudkan untuk mencapai keredaaan Allah, maka (yang berbuat demikian) itulah orang-orang yang melipatgandakan (pahalanya)”*  
(Surah al-Rūm (30): 39).

Ayat ini menekankan bahawa riba tidak akan menambah kekayaan, sebaliknya ia mengurangkan kekayaan.

Kemudian ayat kedua tentang riba menjelaskan kesan amalan riba adalah sama dengan perbuatan mungkar lainnya yang telah dilarang Allah SWT sebelumnya. Allah SWT berfirman:

*“Dan disebabkan mereka memakan ribā, padahal sesungguhnya mereka telah dilarang daripadanya, dan kerana mereka memakan harta orang dengan jalan yang batil. Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir di antara mereka itu siksa yang pedih”*  
(Surah al-Nisa’ (4): 161).

Seterusnya, ayat yang ketiga mengenai riba menyeru orang yang beriman menjauhi ribā agar kebahagiaan hakiki, ketenangan fikiran serta kejayaan hidup di dunia dan di akhirat (*falāḥ*) dapat diraih. Firman Allah SWT:

*“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan ribā dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan”*  
(Surah Āl-Imrān (3): 130).

Akhirnya ayat yang menyebutkan secara jelas dan tegas bahawa ribā itu adalah haram hukumnya diturunkan tidak lama sebelum Rasulullah SAW wafat. Allah SWT berfirman:

*“Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”*  
(Surah al-Baqarah (2): 275).

Proses pengharaman riba mulai dari Surah al-Rūm (30) ayat 39, Surah Āli-‘Imrān (3) ayat 130 hingga ke Surah al-Baqarah (2) ayat 275 memakan masa sekitar 25 tahun.

Pengalaman Islam dalam menghapuskan sistem perhambaan dan amalan praktik riba secara berperingkat di masa-masa awal kerajanan Islam dan usaha bangsa Eropah untuk mengeluarkan mata wang Euro patut dijadikan contoh tauladan dalam usaha mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia. Metode ini dilakukan untuk menghindari terjadinya kemerosotan dan bahkan keruntuhan ekonomi. Usaha mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam memerlukan waktu yang lama, setidaknya-tidaknya 25 atau 50 tahun ke hadapan. Dengan lain perkataan, usaha untuk mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam baru akan nampak hasilnya pada tahun 2030 atau 2060, itupun kalau dilakukan secara sungguh-sungguh dengan perancangan yang mantap.

### MODEL TRANSAKSI DINAR DAN DIRHAM

Tidak sahaja secara teoritikal, dalam implementasinya mata wang Dinar dan Dirham telah terbukti lebih stabil berbanding dengan *fiat money* yang digunakan dunia antarabangsa sekarang. Dalam artikelnya “*The Islamic Gold Dinar: Socio-economic Perspective*”, Meera dan Aziz (2002) menjelaskan secara terperinci kelebihan sistem mata wang Islam (Dinar dan Dirham). Tidak seperti *fiat money*, Dinar dan Dirham tidak dapat dicetak ataupun dimusnahkan dengan sesuka-hati oleh pihak berkuasa (kerajaan), kerana ia memiliki nilai intrinsik 100%. Ini tentunya akan menghindari terjadinya kelebihan wang dalam masyarakat, atau dengan lain perkataan akan menghalang terjadinya inflasi. Tidak seperti *fiat money*, Dinar dan Dirham juga akan diterima masyarakat dengan hati terbuka tanpa perlu “*legal tender*” atau penguatkuasaan hukum. Kalau masyarakat yang melakukan transaksi dihadapkan pada dua pilihan, untuk dibayar dengan *fiat money* atau Dinar, sudah tentu mereka akan lebih memilih Dinar kerana kestabilan nilainya. Kestabilan Dinar ini tentunya akan mempromosikan perdagangan antarabangsa. Transaksi dengan menggunakan Dinar akan mengurangi kos transaksi. Bila Dinar digunakan sebagai mata wang tunggal dunia Islam, maka kos untuk menukar wang dari satu jenis mata wang ke mata wang lainnya dalam dunia Islam tidak diperlukan lagi. Dan yang paling luar biasa adalah penggunaan Dinar akan lebih menjamin kedaulatan negara dari dominasi ekonomi, budaya, politik dan kekuatan asing.<sup>22</sup> Sebagai contoh, dengan hanya mencetak Dollar tanpa perlu disokong oleh emas dan kemudian dipinjamkan ke Indonesia, Amerika kini dengan mudah dapat mencampuri urusan dalam negeri Indonesia. Inilah sebabnya Dinar diyakini mampu mewujudkan sistem kewangan global yang berkeadilan (*just world monetary system*).

---

<sup>22</sup> Meera, A.K.M dan Aziz, H., (2002), *op. cit.*, hh. 151-176.



Oleh itu, isu untuk mendaulatkan kembali Dinar dan Dirham dipandang sebagai isu terkini dan sangat mendesak dibincangkan para pakar ekonomi Islam. Bahagian ini lebih difokuskan untuk menampilkan model-model terkini transaksi Dinar yang telah mulai digunakan ataupun baru ditawarkan oleh dunia Islam, dengan fokus utama model transaksi Dinar *via* internet, model transaksi Dinar Bilateral dan Multilateral.

Secara historikal, Dinar sebagai mata wang Islam telah mulai digunakan sejak masa Rasulullah SAW hingga runtuhnya khalifah terakhir di masa Dinasti Uthmānīyah. Pada awalnya, syiling Dinar dan Dirham yang digunakan umat Islam itu dicetak oleh penduduk Persi. Khalifah Abdūl Mālik bin Marwan telah mengeluarkan Dinar pada tahun 77 H, berdasarkan standard syiling yang dikeluarkan Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb: 10 Dirham sama dengan 7 Dinar. Setelah lama tenggelam dimakan usia dan masa, syiling Dinar dan Dirham kembali dicetak pada tahun 1992. Empat tahun kemudian, laman internet (*web-site*) yang memasarkan Dinar dan Dirham dilancarkan pada tahun 1996.<sup>23</sup> Sistem pembayaran dengan Dinar sudah mulai diperkenalkan melalui sistem pembayaran elektronik *via* internet. Menggunakan sistem pembayaran Dinar melalui internet lebih mudah dilakukan kerana ianya tidak perlu disokong oleh “*political will*” kerajaan. Semua bergantung pada individu-individu atau para peniaga untuk menggunakannya atau tidak. Siapa sahaja kita dan di belahan dunia manapun kita bermastautin, kalau mahu menggunakan sistem pembayaran Dinar elektronik *via* internet tinggal hanya mendaftar untuk membuka nombor akaun yang tersedia di laman-laman internet, Penyedia Pelayanan Kewangan Internet (*Internet Financial Service Provider, IFSP*). Kerajaan tidak boleh menghalang, apalagi untuk memaksa kita untuk menggunakan sistem pembayaran Dinar *via* internet. Dengan menggunakan IFSP ini, kita tidak perlu membawa emas ke sana ke mari ketika melakukan transaksi. Semua transaksi Dinar dengan sistem pembayaran elektronik *via* IFSP ini adalah disokong 100% oleh emas. Jadi, nilainya lebih stabil.

### **Transaksi Dinar Model Internet**

Pada asasnya, konsep wang Dinar yang sedang rancak diperdebatkan akhir-akhir ini hanya memiliki sedikit perbezaan dengan konsep Dinar masa dahulu, khasnya dari segi mekanisma, operasi dan implementasi. Namun, ide awal adalah sama di mana satu dinar bernilai 4.25 gram emas dan satu dirham bernilai 3 gram perak. Dengan adanya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah mengetepikan kekuatan politik para pihak penguasa (kerajaan) terhadap keinginan penduduknya untuk memilih sistem

---

<sup>23</sup> Abd. Majid, M.S., (2004), *op.cit.*, 291.

pembayaran dalam bertransaksi. Banyaknya IFSP di laman-laman internet telah memberi laluan bagi Dinar untuk bersaing di pasaran-pasaran wang elektronik (*internet e-money*) antarabangsa.<sup>24</sup>

Secara garis besar, ada dua jenis “*e-money*” (wang elektronik), iaitu *e-money* berdasarkan komoditi (*commodity-based e-money*) dan *e-money* berdasarkan wang kertas dan syiling (*fiat money-based e-money*). IFSP dengan *e-money* berdasarkan komoditi, khasnya emas dan perak adalah IFSP yang mendapat kepercayaan orang ramai. Contoh IFSP *e-money* berdasarkan komoditi adalah seperti *E-Dinar*, *E-gold*, *DigiGold*, *3PGold*, *e-Bullion* dan *e-money* lainnya. Sedangkan contoh IFSP *e-money* berdasarkan *fiat money* adalah *Internet Dollar*, *WebMoney*, *FreeCash*, *Liberty Dollar*, *Zetx* dan lain-lain. *E-dinar Ltd.* adalah IFSP pertama di Asia yang beroperasi di Pulau Labuan, Malaysia pada bulan Ogos 2000.<sup>25</sup>

Melalui IFSP ini, setiap peniaga dengan mudah dapat membuka nombor akaun IFSP melalui internet. IFSP ini akan mencatat semua perincian transaksi kepemilikan emas. Siapa yang memiliki nombor akaun dengan IFSP dapat mengeluarkan emas bila sahaja diperlukan. Untuk ini, IFSP sentiasa mencetak jumlah Dinar yang cukup untuk memenuhi permintaan pelanggan. Cara ini dimungkinkan dengan adanya kemudahan internet. Sebagai contoh, masyarakat Malaysia dengan bebas dapat membuka nombor akaun IFSP dan mereka diberikan opsyen untuk menyimpan harta mereka sama ada dalam bentuk wang emas (Dinar) mahupun wang Ringgit. Dinar dan Dirham sebagai mata wang yang disokong 100% oleh emas dan perak sudah tentu dengan mudah diterima masyarakat antarabangsa. Dengan Dinar dan Dirham, perdagangan antarabangsa dapat berjalan lancar. Sistem pembayaran Dinar melalui internet (*on-line payment system*) jelas akan mengurangi masa yang diperlukan untuk melakukan sebuah transaksi dan akan mengurangi kos transaksi.

### **Model Transaksi Dinar Bilateral**

Kelebihan Dinar dan Dirham ini telah memotivasi Mantan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad untuk aktif berkempen ke seluruh penjuru dunia agar Dinar dan Dirham didaulatkan sebagai mata wang tunggal dunia Islam. Hebatnya tekad beliau untuk mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang Islam terbukti dengan ditandatangani “*Memorandum of Understanding*” (MoU) transaksi perdagangan bilateral antara Malaysia dengan Iran pada pertengahan tahun 2003, di mana Dinar

---

<sup>24</sup> Abd. Majid, M.S., (2003), *op.cit.*, h. 23.

<sup>25</sup> *Ibid.*

digunakan sebagai alat pembayaran yang sah. Bagaimana cara transaksi perdagangan antarabangsa dengan Dinar antara Malaysia dan Iran dilakukan? Apakah negara Malaysia harus mengangkut emas ke Iran untuk membayar transaksi perdagangan yang mereka lakukan? Atau sebaliknya, Iran pula yang harus mengirimkan emas ke Malaysia?<sup>26</sup> Yang jelas, proses transaksi perdagangan dengan Dinar tidaklah sesukar yang dibayangkan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dikenal sebagai pemimpin dunia Islam yang paling aktif berusaha untuk mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang Islam ternyata telah siap dengan model transaksinya. Dalam model Dinar *ala* Mahathir ini, bank pusat (*central bank*) memainkan peranan penting dalam mencatat setiap transaksi dan menyimpan emas. Model ini hanya sesuai untuk sebuah transaksi diperingkat antarabangsa. Setiap transaksi antarabangsa yang dilakukan, misalnya transaksi antara kerajaan Iran dengan Kerajaan Malaysia (*Government to Government, G to G*) atau antara peniaga Malaysia dengan peniaga Iran (*Individual to Individual, I to I*), setiap negara/peniaga itu harus melakukan transaksi melalui bank komersial di negara masing-masing. Bank komersial ini, pada gilirannya, harus berhubungan dengan bank sentral (di Malaysia disebut Bank Negara) untuk menyelesaikan transaksi akaun emas di masing-masing bank sentral. Kemudian, ketika masing-masing negara telah melakukan transaksi perdagangan, catatan transaksi emas akan disimpan oleh bank sentral di masing-masing negara. Hanya perbezaan nilai transaksi antara negara sahaja yang harus diselesaikan secara berperingkat melalui akaun Dinar. Bagaimanapun, penyelesaian pemindahan Dinar (emas) antara *G to G* dapat diselesaikan di kemudian hari, setelah transaksi-transaksi perdagangan lainnya dilakukan. Jadi, pemindahan emas secara fizikal antara negara tidak semestinya harus dilakukan pada masa sebuah transaksi selesai dilakukan. Hal ini seperti diakui Tausing (1927) dalam bukunya "*International Trade*" di mana pada masa sistem standard emas diterapkan dunia, penyelesaian transaksi dengan emas (pemindahan emas secara fizikal) sangat sedikit terjadi.<sup>27</sup>

Untuk lebih memudahkan model ini difahami, berikut diberikan contoh transaksi *G to G*.<sup>28</sup> Katakanlah kerajaan Malaysia mengeksport Minyak Kelapa Sawit dengan nilai 12 Milyar Dinar, dan pada masa yang sama Iran mengeksport kurma ke Malaysia

---

<sup>26</sup> Pertanyaan seperti ini sangat sering muncul kepermukaan, khasnya bagi orang awam ketika ide kembali ke dinar dan dirham mulai dibincangkan.

<sup>27</sup> Tausing, (1927), *International Trade*. USA: John Wiley. Rujuk juga Bernstein, Peter L., (2000). *The Power of Gold*. USA: John Wiley.

dengan harga 12.5 Milyar Dinar. Bank Sentral Iran dan Bank Negara Malaysia akan mencatat semua transaksi ini. Kerajaan Malaysia yang minus imbalan perdagangan 0.5 Milyar Dinar (12 – 12.5 Milyar Dinar) dan harus membayar kepada Iran sebanyak 0.5 Milyar Dinar tidak seharusnya memindahkan emas pada masa itu juga untuk melangsaikan harga kurma yang mereka import dari Iran. Dengan lain perkataan, perbezaan imbalan perdagangan ini tidak mesti diselesaikan pada masa sebuah transaksi berlaku, tetapi akan diselesaikan secara berperingkat-peringkat di masa-masa hadapan, katakanlah enam bulan sekali. Ini bertujuan untuk meminimalkan arus perpindahan emas dari satu negara ke negara lain, yang tentunya akan menjimatkan kos transaksi (termasuk kos transportasi). Suatu catatan penting bahawa, di bawah mekanisme transaksi bilateral ini, untuk melakukan perdagangan bilateral yang bernilai 24.5 Milyar Dinar, hanya memerlukan jumlah Dinar yang dipindahkan sejumlah 0.5 Milyar Dinar sahaja. Fakta ini jelas memberi jawapan terhadap kerisauan kita akan ketidakcukupan emas di dunia ini, sekiranya Dinar dijadikan mata wang dunia Islam. Dalam contoh di atas, jumlah keseluruhan perdagangan 24.5 Milyar Dinar antara Malaysia dan Iran hanya memerlukan pemindahan emas dari Malaysia ke Iran sebesar 0.5 Milyar Dinar sahaja.

**Model Transaksi Dinar Multilateral**

Proses transaksi perdagangan dalam model transaksi Dinar bilateral dan multilateral pada prinsipnya adalah sama. Yang membezakan hanya jumlah negara yang terlibat dalam transaksi perdagangan. Dalam transaksi bilateral, hanya dua negara yang terlibat melakukan perdagangan, sedangkan dalam transaksi multilateral jumlah negara yang melakukan transaksi perdagangan melebihi dua negara. Untuk lebih memudahkan bagaimana model transaksi Dinar multilateral dilakukan, Jadual 1 berikut ini mengilustrasikan perdagangan yang terjadi antara empat negara, iaitu Malaysia, Iran, Indonesia dan Arab Saudi.

**Jadual 1: Model Transaksi Dinar Multilateral (Milyar Dinar)**

Eksport ke	Malaysia	Iran	Indonesia	Arab Saudi	Total Eksport
Malaysia	-	178	1,432	560	2,170
Iran	390	-	780	1,200	2,370
Indonesia	1,570	130	-	450	2,150
Arab Saudi	210	1,258	760	-	2,228
<b>Total Import</b>	2,170	1,566	2,972	2,210	8,918

Nota: Angka-angka yang terdapat dalam jadual ini bukanlah angka sebenar, ianya hanya merupakan ilustrasi belaka.

<sup>28</sup> Angka-angka yang terdapat dalam contoh model transaksi dinar ini hanya merupakan ilustrasi belaka.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, jelas terlihat bahawa jumlah keseluruhan nilai perdagangan multilateral antara keempat negara di atas adalah 8,918 Milyar Dinar, dengan total eksport masing-masing negara melebihi 2000 Milyar Dinar (Malaysia = 2170; Iran = 2370; Indonesia = 2150; dan Arab Saudi = 2228). Transaksi perdagangan multilateral yang berjumlah 8918 Milyar Dinar ini hanya memerlukan jumlah pembayaran bersih 822 Milyar Dinar, iaitu 804 Milyar Dinar harus dibayar Iran kepada Indonesia dan 18 Milyar Dinar dibayar oleh Arab Saudi juga kepada Indonesia (lihat Jadual 2). Sedangkan Malaysia, tidak perlu membayar dan juga tidak menerima bayaran se-Dinar pun dari rekan kongsi dagangannya. Di pihak yang lain, Indonesia malah akan menerima bayaran Dinar sebanyak 822 dari Iran dan Arab Saudi. Sistem pembayaran perdagangan multilateral di atas menunjukkan bahawa perdagangan antara negara yang berpartisipasi akan sangat efisien dan efektif di mana jumlah emas (Dinar) yang relatif sedikit (822 Milyar Dinar) telah mampu melangsungkan perdagangan multilateral dalam jumlah yang sangat besar, iaitu 8918 Milyar Dinar.

**Jadual 2: Total Pembayaran Bersih (Milyar Dinar)**

	<b>Total Eksport</b>	<b>Total Import</b>	<b>Pembayaran Bersih</b>
Malaysia	2,170	2,170	0
Iran	2,370	1,566	+804
Indonesia	2,150	2,972	-822
Arab Saudi	2,228	2,210	+18

Nota: Angka-angka yang terdapat dalam jadual ini bukanlah angka sebenar, ianya hanya merupakan ilustrasi belaka.

Ilustrasi di atas menunjukkan bahawa, terhadapnya jumlah emas untuk dapat melangsungkan perdagangan bilateral dan multilateral tidak perlu dipersoalkan. Kerana untuk melakukan transaksi perdagangan multilateral yang berjumlah 8918 Milyar Dinar hanya memerlukan Dinar sebanyak 822 Milyar Dinar. Kemungkinan besar jumlah pemindahan Dinar antarnegara malah berkurang. Kerana pemindahan Dinar tidak dilakukan ketika sebuah transaksi perdagangan selesai dilakukan, tetapi akan dilakukan dalam masa beberapa bulan ke hadapan, katakanlah pembayaran akan dilakukan dalam

enam bulan sekali. Dalam masa enam bulan ini, banyak transaksi perdagangan lain yang terjadi sehingga tidak tertutup kemungkinan bagi setiap negara yang terlibat dalam perdagangan multilateral akan memiliki jumlah pembayaran bersih adalah sifar, seperti ditunjukkan negara Malaysia pada Jadual 2. Dalam erti kata lain, selama masa enam bulan transaksi perdagangan multilateral dilakukan, masing-masing negara yang terlibat sama sekali tidak memerlukan pemindahan se-Dinar pun dari satu negara ke satu negara kongsi dagang lainnya.

## Model Transaksi Dinar: Analisis Komparatif

Perlu dicatat disini bahawa kesemua model transaksi Dinar di atas, internet, bilateral dan multilateral belum sepenuhnya menyediakan sistem yang sempurna dan mekanisma holistik untuk melakukan transaksi dengan Dinar sama ada secara domestik mahupun antarabangsa. Perbezaan mendasar antara kesemua model di atas adalah model transaksi Dinar internet tidak memerlukan sokongan politik kerajaan dan ia hanya berteraskan mekanisma internet, sedangkan model transaksi dinar bilateral dan multilateral sangat bergantung pada "*political will*" kerajaan yang terlibat dalam transaksi tersebut. Keberhasilan model transaksi dinar bilateral dan multilateral sangat bergantung pada kebijakan kewangan dan ekonomi masing-masing negara yang terlibat, sedangkan model transaksi internet tidak. Keampuhan dan keefektifan model transaksi dinar bilateral dan multilateral ini memang belum terbukti, kerana hingga saat ini model tersebut baru dipraktikkan dalam perdagangan bilateral Malaysia dengan Iran. Sedangkan transaksi Dinar multilateral baru setakat perbincangan dan belum mulai dipraktikkan.

## PENUTUP

Sejauh mana usaha untuk mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam akan menjadi kenyataan? Tentangan besar sentiasa menanti. Setelah perang dingin antara Amerika Syarikat dan Soviet Union berakhir, kedudukan Amerika Syarikat sebagai negara *Super Power* tunggal dunia sangat menentukan terhadap keberhasilan usaha untuk mendaulatkan Dinar ini. Ini kerana sistem *fiat money* yang digunakan dunia sekarang yang sangat menguntungkan pihak minoriti, khasnya negara Amerika Syarikat tentunya akan menolak kehadiran Dinar dan Dirham. Sudah tentu AS akan takut hilangnya pengaruh *Super Power* mereka di dunia antarabangsa jika mata wang Islam digunakan. Kemungkinan Amerika Syarikat untuk menggagalkan dan mensabotej usaha untuk mendaulatkan Dinar sebagai mata wang negara Islam dan bahkan mata wang tunggal dunia sangat mungkin berlaku, walaupun penggunaan mata wang Dinar akan menguntungkan semua pihak. Walaupun demikian, kita umat Islam harus berkeyakinan penuh (*Haqqul Yaqīn*) bahawa usaha pendaulatan Dinar akan berhasil dalam hitungan dekad. Allah SWT telah berjanji, sesungguhnya, kebatilan itu akan hancur dan kebenaran itu akan tegak.<sup>29</sup>

Jadi, keberhasilan usaha mendaulatkan Dinar dan Dirham sebagai mata wang Islam sangat bergantung pada faktor-faktor eksternal seperti disebutkan di atas dan juga faktor-faktor internal dunia Islam. "*Political will*", "*interest*" dan dasar ekonomi dan

kewangan dunia Islam itu sendiri juga sangat memainkan peranan penting terhadap kejayaan usaha pendaulatan Dinar dan Dirham sebagai mata wang tunggal dunia Islam.

---

<sup>29</sup> Rujuk Surah al-Isrā' (17): 81.

